

LATIHAN 3 Kuingin Berterima Kasih

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

KUINGIN BERTERIMA KASIH

- | | | | |
|---|--|---|--|
| 1 | Sesekali kuingin berterima kasih kepadamu hujan bagai tetamu jiwa pun menjadi dingin api amarah pun terpadam. | 5 | Sesekali kuingin pula menjadi bunga menebarkan keharuman di taman-taman keresahan hidup menyerahkan keinsafan kepada kangkuhan perang. |
| 2 | Sesekali kuingin menyemai budi kepadamu tanah yang hidup kerana perutmu setia menghamilkan rezeki buat petani. | 6 | Alangkah indahnyanya dunia andai semua merenung kekosongan hidup ini. |
| 3 | Sesekali kuingin berbisik kepadamu ikan-ikan yang riang liar di belantara samudera kerana sudi membebaskan derita nelayan tua di pondoknya. | | |
| 4 | Sesekali kuingin kalungkan kagum kepadamu pejuang negara kerana tanganmu pernah berdarah darah kesetiaan seorang warga kepada watan tercintanya. | | |

IHSAN NOORZALI

Daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah perkara yang ingin disampaikan dalam rangkap ketiga sajak?
 - A Penyajak ingin berbudi kepada semua orang.
 - B Penyajak ingin berbudi kepada tanah kerana menjadi punca rezeki kepada petani.
 - C Penyajak berterima kasih kepada ikan kerana menjadi punca rezeki kepada para nelayan.
 - D Penyajak berterima kasih kepada tokoh perajurit kerana berkorban diri mempertahankan negara.
2. Mengapakah petani ingin berterima kasih kepada tanah?
 - A Memberi pendapatan kepada petani
 - B Memberi makanan kepada manusia
 - C Memberi keharuman kepada bunga
 - D Mengindahkan keadaan dunia
3. Apakah nilai murni yang ingin diketengahkan oleh penyajak dalam rangkap kelima?
 - A Kesetiaan
 - B Kesyukuran
 - C Keinsafan
 - D Kasih sayang
4.

darah kesetiaan seorang warga

Unsur keindahan yang terdapat dalam baris sajak di atas ialah

 - A metafora.
 - B personifikasi.
 - C simile.
 - D asonansi.
5. Pernyataan yang berikut benar mengenai sajak **kecuali**
 - A mengandungi enam rangkap.
 - B setiap rangkap mengandungi tiga hingga lima baris.
 - C berbentuk terikat.
 - D terdapat dua hingga lima patah kata sebaris